

Bersama: Wendy Lee, Pakar Perunding Imej dan Kecantikan
Penyelaras: Lana Mahbob



Bulan terakhir bersama Wendy Lee memberi ilham kepada pemilik wajah berbentuk segi tiga dan segi tiga songsang. Ikuti tip dan ilham Wendy untuk tampil cantik dan menyerlah.

SERLAHLAH SERI WAJAH BERSEGI TIGA



Muka Bentuk Segi Tiga

Ciri-Ciri Utama

Wanita yang berwajah bentuk segi tiga mempunyai dahi yang kelihatan agak sempit dengan dagu luas.

Dandanannya rambut

Untuk melembutkan paras wajah berbentuk segi tiga, dandanannya rambut yang sesuai adalah yang mampu mengurangkan keluasan dagu. Justeru, dandanannya rambut yang menambah ketinggian atau berhampiran dahi amat sesuai. Cuba tutup sebahagian atau keseluruhan telinga.

Gaya rambut yang menawan adalah gaya lembut dan menuju ke arah luar kedua-dua belah mata untuk mengimbangi paras



rupa segi tiga. Rambut yang tebal pada dahi digalakkan kerana memberi ilusi penambahan keluasan pada bahagian atas.

Kaca mata

Gaya dan bentuk kaca mata yang sesuai ialah berbingkai lebar pada bahagian muka atas yang sempit. Bingkai berbentuk bujur melembutkan bucu wajah segi tiga.

Anting-anting

Untuk menyerikan penampilan, bentuk seperti mutiara titisan air mata, subang atau anting-anting bujur atau bersegi panjang adalah pilihan baik kerana ia melembut dan memanjangkan lagi paras rupa.





Dandanan Rambut

Dandanan rambut memberi gambaran dahi yang tidak begitu luas selain melebarkan bahagian bawah paras wajah. Justeru, pilih gaya rambut lembut, dengan membiarkan ia jatuh pada dahi dan elak gaya rambut mengembang ke atas atau tebal pada bahagian tepi. Sebaik-baiknya, usah menarik dan mengikat kesemua rambut ke belakang.

Kaca Mata

Pilih bingkai bulat atau bujur dan melengkung ke atas.

Anting-anting

Bentuk anting-anting yang halus seperti titisan air mata dan subang yang memanjang ke bawah amat sesuai.

Rantai

Disebabkan muka segi tiga songsang kelihatan berbucu, elak memakai rantai berbucu ke bawah. Pilih coker atau beberapa utas rantai mutiara bulat.



Muka Segi Tiga Songsang

Ciri-ciri Utama

Ia seakan-akan wajah berbentuk bujur sirih. Perbezaannya cuma wajah nampak berbucu. Jika diukur dari luar muka, paras wajah kelihatan lurus dari lesung pipi ke atas dan menajam masuk di bahagian dagu.

